



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 40/2013 (29 September hingga 5 Oktober 2013)**

“Peningkatan Kes denggi di Malaysia”

Bilangan kes denggi yang dilaporkan dalam minggu ke 40 iaitu bagi tempoh 29 September hingga 5 Oktober 2013 terus mencatatkan jumlah kes melebihi seribu di mana sejumlah 1,227 kes telah dilaporkan. Tren peningkatan kes yang berterusan ini juga turut menyumbang kepada peningkatan kematian akibat denggi di mana sebanyak empat (4) kematian dicatatkan pada minggu ini iaitu dua (2) di Melaka manakala masing-masing satu (1) kematian di Pulau Pinang dan Pahang. Secara kumulatifnya, kes denggi di Malaysia sehingga kini adalah sejumlah 23,829 kes berbanding 16,729 pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 7,100 kes atau 42.4%. Jumlah kumulatif kes kematian denggi adalah sebanyak 52 kematian, meningkat 25 kematian atau 92% berbanding hanya 27 kematian pada tahun 2012.

Pada minggu ke 40, berlaku peningkatan kes denggi di sembilan (9) negeri berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 65 kes (9%), Perak 12 kes (26%), Melaka 11 kes (71%), Pulau

Pinang 10 kes (65%), masing-masing 7 kes di Sabah (37%) dan Johor (7%), Perlis 3 kes (300%), Pahang 2 kes (15%) manakala WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 1 kes (2%).

Empat kes kematian denggi pada minggu ke 40 melibatkan seorang pelajar perempuan berusia 9 tahun, seorang lelaki berusia 37 tahun yang bekerja sebagai Pengurus Projek dari Melaka, seorang surirumah berusia 52 tahun dari Pulau Pinang dan seorang wanita berusia 47 tahun dari Pahang. Pesakit-pesakit ini mengalami tanda-tanda seperti demam, batuk, sakit tekak, muntah, sakit badan dan kurang selera makan sebelum pergi mendapatkan rawatan di klinik dan hospital. Setelah didiagnosa sebagai demam denggi, pesakit tersebut dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) bila keadaan kesihatan mereka menjadi semakin kritikal. Kesemua pesakit tersebut meninggal dunia dengan sebab kematian "*Dengue Shock Syndrome*". Salah seorang daripada kes ini tinggal di kawasan wabak dan hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah menunjukkan kadar pembiakan *Aedes* yang dijumpai adalah tinggi 1.4% hingga 6.1%. Begitu juga dengan kawasan kediaman bagi kes yang lain di mana kadar pembiakan yang ditemui adalah 2.56% hingga 3.2%. Masalah pembiakan yang banyak ditemui ini perlu ditangani segera dan cara yang paling mudah dan kos efektif adalah dengan melakukan gotong-royong di kalangan penduduk setempat. Ketua masyarakat setempat perlu proaktif dalam menggerakkan penduduk di kawasan kejiranan tersebut bagi mengelakkan lebih ramai penduduk terkena jangkitan denggi.

Sejumlah 306 lokaliti wabak denggi dilaporkan berbanding 244 lokaliti pada minggu sebelumnya dengan 228 lokaliti di negeri Selangor, Johor 30 lokaliti, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 12 lokaliti, Negeri Sembilan 9

lokaliti, Melaka 8 lokaliti, Perak 6 lokaliti, Pulau Pinang 5 lokaliti, Sabah 2 lokaliti, Terengganu 2 lokaliti, Kelantan 2 lokaliti serta masing-masing satu (1) lokaliti di Pahang dan Perlis.

Penglibatan menyeluruh masyarakat dalam melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan penghapusan tempat pembiakan Aedes amat penting dalam mengawal kejadian kes demam denggi di Malaysia. Luangkan masa 10 minit seminggu, cari dan musnahkan tempat-tempat yang berpotensi untuk membiakkan Aedes di persekitaran rumah. Jika kerjasama ini dapat dilakukan berterusan ianya akan dapat mencegah penularan jangkitan demam denggi dalam masyarakat. “Tidak peduli, maut menanti”

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

8 Oktober 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2013
(29 September hingga 5 Oktober 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 40/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 40/2012
		Minggu 40 (29 Sept – 5 Okt 2013)	Minggu 39 (22 – 28 Sept 2013)		
1	Perlis	4	1	178 (1)	139
2	Kedah	4	10	625 (1)	654 (3)
3	P. Pinang	28 (1)	18	639 (3)	609 (1)
4	Perak	58	46	1,417 (1)	1,325 (5)
5	Selangor	756	691 (2)	11,498 (14)	7,111 (11)
6	WPKL & Putrajaya	61	60	1,684 (7)	1,453 (3)
7	N. Sembilan	27	42	538	407 (1)
8	Melaka	76 (2)	65 (1)	711 (6)	380
9	Johor	110	103	3,067 (11)	1,267 (1)
10	Pahang	15 (1)	13	475 (2)	497 (1)
11	Terengganu	11	21	358	619
12	Kelantan	39	43	1,085 (2)	932
13	Sarawak	12	17	1,024 (3)	917
14	Sabah	26	19	521 (1)	410 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	9
	Jumlah	1,227 (4)	1,149 (3)	23,829 (52)	16,729 (27)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN
PADA MINGGU 40 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	94	111	28.6 %
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	78	90	0.7 %
3	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	20	88	60 %
4	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	40	83	4.5 %
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	53	69	10.3 %
6	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29 - 7/30, Unisel & Jln A7/A - F7/F)	19	63	6.9 %
7	Selangor	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 6	23	48	3.6 %
8	Selangor	Petaling	Seksyen 27 Flat A (Blok 1 - Blok 6)	10	47	1.4 %
9	Selangor	Petaling	Upm Serdang Kolej 17	22	47	1.1 %
10	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon B (Jln 7/24 - 7/27)	21	47	4 %
11	Selangor	Petaling	SS 2 (Timur)	12	43	1.4 %
12	Selangor	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	39	41	12.3 %
13	Selangor	Petaling	Taman Puchong Prima (Melor)	33	39	6.2 %
14	Selangor	Petaling	Taman Lestari Putra 4	8	47	0 %
15	Selangor	Petaling	SS 2 (Selatan)	9	39	2 %
16	Wilayah Persekutuan	Titivangsa	Kg Baru (Plaza Rah)	9	38	4.2 %

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
17	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A Zon A (Jln 7/11 - 7/22)	10	37	4.9 %
18	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Brunfield)	17	36	7.1 %
19	Selangor	Hulu Langat	Jalan 3/13 A-C Seksyen 3 Taman Kajang Utama	10	36	10 %
20	Pahang	Kuantan	Tmn. Mahkota Aman Fasa 1	13	35	1.8 %
21	Selangor	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	12	33	5.3 %
22	Selangor	Petaling	PJS 8 Apartment Damai	5	32	1.4 %
23	Selangor	Petaling	SS 22	8	31	7.7 %
24	Selangor	Petaling	PJU 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	4	30	1.2 %